

BORANG PENYERTAAN

1. Nama IPT:
2. Alamat :
3. Nama Peserta/ Wakil (gunakan lampiran sekiranya berlebihan):
 - a. Tel: Email:
 - b. Tel: Email:
 - c. Tel: Email:

4. Kategori Penyertaan: Sila Pilih (/) - dibenarkan lebih daripada satu

☐ Pembentangan Lisan bertajuk:

☐ Pertandingan Poster

☐ Peserta: ☐ Pameran ☐ Peserta Biasa

5. Yuran penyertaan adalah **percuma**

6. Urusan Pengangkutan dan penginapan (jika berkenaan) adalah dibawah tanggungan IPT masing-masing. Berikut adalah senarai cadangan tempat penginapan yang terdapat di sekitar UKM:

- a. Hotel Puri Pujangga UKM (www.puripujangga.com.my)
- b. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya (www.equatorial.com)
- c. Hotel Amani (www.hotelamani.com.my)
- d. Hotel Smart (www.smarthotel.com.my)
- e. Hotel Bangi (www.hotelbangi.com)
- f. NIOSH Bangi (www.niosh.com.my)
- h. Rumah Tamu Kolej Aminuddin Baki UKM , 03-89215104
- i. Rumah Tamu Kolej Ungku Omar UKM , 03-8921 3114
- j. Kolej Pendeta Zaaba UKM , 03-89216851
- k. Kolej Keris Mas ,03-89214011

7. Borang penyertaan perlu dihantar sebelum atau pada **3 April 2015 (Jumaat)**. Manakala **abstrak** pembentangan lisan dan poster perlu dihantar sebelum atau pada **20 April 2015 (Isnin)** ke alamat:

Sekretariat Konvensyen Kampus Lestari 2015, Kolej Antarabangsa Ibu Zain (KIZ)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor

Tel: 019-4574730 (Muhd Nasir), 0145403110(Nadzirah), 03-89215603

Faks: 03-89255600 , Email: kkl2015ukm@gmail.com

Semua maklumat terkini akan dimuatnaik pada web **www.kkl2015ukm.wordpress.com**



"Kampus Lestari Cerminan Inovasi Mahasiswa"

30 April 2015 | Khamis
Dewan Persidangan,
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Anjuran



Dengan Kerjasama



PENGENALAN PROGRAM

Konvensyen Kampus Lestari 2015 (KKL2015) merupakan platform perkongsian idea dalam kalangan warga kampus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkaitan dengan kaedah untuk melestarikan kampus. KKL2015 dianjurkan oleh Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) dan Kolej Ibu Zain UKM. Program ini juga merupakan platform pertemuan wakil-wakil IPT dalam berkongsi idea dan memberi input kepada pelajar berkenaan kaedah yang sesuai dalam mempraktikkan amalan kelestarian di kampus masing-masing.

Kejayaan siri pertama Konvensyen Kampus Lestari 2012 telah mendorong kepada penganjuran siri kedua Program Konvensyen Kampus Lestari untuk edisi 2015. KKL2012 telah mendapat penyertaan daripada hampir 200 mahasiswa dari lapan buah IPTA (antaranya UKM, USM, UTM, UTHO, Unimap). KKL2015 diharap mampu memberikan lebih banyak manfaat berterusan kepada semua warga IPT dalam melestarikan kampus.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Memupuk dan mengukuhkan kesedaran memelihara dan memulihara alam sekitar
2. Mendedahkan kepada pelajar pendekatan-pendekatan berguna dan terkini tentang aspek pengurusan lestari.
3. Mempertingkatkan usaha IPT dalam melestarikan kampus.
4. Menggalakan interaksi IPT dengan pihak industri dan NGO dalam berkongsi maklumat dan ilmu



GOLONGAN SASARAN

Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (awam dan swasta), pegawai-pegawai agensi kerajaan, swasta dan NGO, tenaga pengajar dan pegawai-pegawai IPT.

PROGRAM

1. Pembentangan lisan

Pembentangan lisan/kertas kerja selama 10 minit yang melibatkan wakil-wakil pelajar dan IPT. Skop pembentangan adalah meliputi pelbagai aspek amalan kelestarian di kampus sama ada dalam peringkat perancangan ataupun sedang dalam proses implementasi. Pembentangan ini dipertandingkan dan akan diadili oleh panel juri yang dilantik.

2. Pertandingan Poster Inisiatif Kelestarian

Poster yang memaparkan konsep, proses dan amalan kelestarian yang dilaksanakan di kampus.

3. Pameran Inovasi Hijau

Pameran oleh wakil-wakil IPT dan juga dari badan-badan swasta dan NGO.

Perincian berkenaan dengan kaedah dan syarat-syarat pertandingan boleh dirujuk pada Tapak Web KKL2015 di www.kkl2015ukm.wordpress.com

TENTATIF PROGRAM*

Masa	Perkara / Atur Cara	
0800 - 0900	Ketibaan peserta dan tetamu-tetamu jemputan	Pameran Poster Inisiatif Kelestarian & Pameran Inovasi Hijau
0900 - 1030	Majlis Pembukaan Ucaptama 1: UKM Kampus Lestari : Ke arah Kampus Sisa Sifar Oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Hassan Basri, FKAB UKM Ucaptama 2: Ekorelawan Penggerak UKM Kampus Lestari Oleh Dato' Shahrudin Mohamad Ismail, LESTARI UKM	
1030-1045	Minum Pagi	
1045 - 1245	Sesi Pembentangan 1: Pengurusan Ekosistem dan Pembangunan Fizikal Kampus Lestari Pengerusi Sesi: Prof. Dr. Sohif Mat, SERI UKM Pembentangan Utama - Pembentang 1 - Pembentang 2 - Pembentang 3 - Pembentang 4 - Pembentang 5	
1245 - 1400	Makan tengah hari & solat zohor	
1400 - 1600	Sesi Pembentangan 2: Governans dan Pembentukan Komuniti Kampus Lestari Pengerusi Sesi: Dr. Rahmah Elfithri, LESTARI UKM Pembentangan Utama - Pembentang 1 - Pembentang 2 - Pembentang 3 - Pembentang 4 - Pembentang 5	
1600 - 1700	Sesi Panel: Langkah Kehadapan Kampus Lestari di Malaysia Rumusan	
1700 - 1730	Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah	
1730	Minum Petang & Bersurai	

*Tertakluk kepada pindaan